

KENYATAAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

TAJUK: KEISTIMEWAAN PINDAH KREDIT BAGI MEMBANTU GRADUAN
PERUBATAN DARI INSTITUSI YANG TIDAK DIKTIRAF

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 13 Februari 2008 lalu telah bersetuju membenarkan graduan-graduan perubatan dari institusi yang tidak diiktiraf diberi kelonggaran menyambung pengajian secara pindah kredit ke institusi yang diiktiraf.
2. Ini bertujuan membantu sekitar 250 hingga 300 orang graduan perubatan lulusan institusi tidak diiktiraf, terutama sekali mereka yang telah kehabisan peluang menduduki Ujian Kelayakan Perubatan di bawah Akta Perubatan 1971.
3. Walau bagaimana pun, Kabinet memutuskan keistimewaan ini diberi tertakluk kepada syarat-syarat berikut sahaja:
 - 3.1. Bagi mengikuti pengajian di institusi pengajian perubatan yang diiktiraf di dalam atau di luar negara sahaja sebagaimana tersenarai di dalam Jadual Kedua, Akta Perubatan 1971;
 - 3.2. Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan kepada Majlis Perubatan Malaysia (MPM) pada atau sebelum 31 Disember 2008;
 - 3.3. Setiap permohonan perlu disertakan bukti tawaran masuk ke institusi yang diiktiraf;
 - 3.4. Setiap calon perlu mendapat kebenaran bertulis daripada MPM sebelum mengikuti pengajian;
 - 3.5. MPM berhak menolak permohonan yang diterima selepas 31 Disember 2008, tidak lengkap atau dianggap sebagai tidak layak;
 - 3.6. Graduan perlu mengikuti dan lulus pengajian untuk tempoh tidak kurang dari satu tahun di peringkat praklinikal dan dua tahun diperingkat klinikal;
 - 3.7. Keistimewaan ini terbuka kepada graduan lulusan institusi tidak diiktiraf pada atau sebelum 31 Disember 2007 tanpa mengira sama ada masih mempunyai atau telah kehabisan peluang menduduki ujian kelayakan;
 - 3.8. Keistimewaan ini terbuka kepada warganegara Malaysia, pemegang pemaustatin tetap dan keluarga terdekat mereka sahaja;
 - 3.9. Pihak institusi yang menerima graduan pula perlu memastikan pengambilan calon yang memanfaatkan keistimewaan pindah kredit ini sama sekali tidak menjejaskan kualiti pengajian seperti melanggar nisbah tenaga pengajar : pelajar, mengambil pelajar melebihi kuota yang ditetapkan dan sebagainya;
 - 3.10. Kelonggaran ini diberikan secara *one-off* sahaja; dan
 - 3.11. Calon yang tidak memenuhi mana-mana syarat di atas tidak layak diterima mendaftar. Mereka perlu menduduki dan lulus Ujian Kelayakan Perubatan di bawah Akta Perubatan 1971, sekiranya masih ada peluang, untuk diterima mendaftar.

4. Walau bagaimana pun, diatas dasar keprihatinan, pada awal Jun 2008, YB Menteri Kesihatan kemudiannya bersetuju memendekkan tempoh latihan tersebut kepada 18 (Lapan Belas) bulan sahaja.
5. **Walaupun tempoh latihan tersebut telah dipendekkan, namun, kesemua syarat lain di perenggan 3 diatas masih dikekalkan.**
6. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan beberapa perkara berikut:
 - 6.1. Adalah menjadi tanggung-jawab mereka yang berminat memanfaatkan keistimewaan pindah kredit ini untuk mengurus sendiri kemasukan ke mana-mana institusi pilihannya;
 - 6.2. Selaras dengan peruntukkan tertentu dibawah Akta Perubatan 1971, graduan yang memanfaatkan keistimewaan ini perlu mengemukakan ijazah dari institusi yang diiktiraf apabila memohon berdaftar dengan MPM kelak. Ini bermakna mereka perlu mengikuti pengajian sehingga jayanya dan dianugerah ijazah oleh institusi tersebut; dan
 - 6.3. Pihak institusi berhak menetapkan sebarang syarat dan peraturan berkaitan kriteria kemasukan, kadar bayaran, kurikulum/program pengajian, peperiksaan dan sebagainya. Mereka yang berminat dinasihatkan untuk merujuk perkara berkaitan terus kepada pihak institusi yang berkenaan.
7. Saya menyarankan mereka yang berminat untuk memanfaatkan sepenuhnya keistimewaan ini dengan kadar segera.
8. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi pegawai-pegawai MPM berikut:
 - 8.1. Dr. Wan Mazlan bin Mohamed Woojdy – 03 8883 1400;
 - 8.2. Dr. Muhd. Yazuran Sallij Muhd. Yassin – 03 8883 1401.
 - 8.3. Dr. Karen Sharmini – 03 2694 7920; atau
 - 8.4. En. Perumal a/l Chinaya – 03 2694 7920.

Sekian. Terima kasih.

Yang Ikhlas,

TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHD ISMAIL MERICAN
Yang Di Pertua.

Tarikh: 25 Jun 2008.

NOTICE

THE PRESIDENT MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL

TITLE: THE PRIVILEGE OF CREDIT TRANSFER FOR MEDICAL GRADUATES OF UNRECOGNIZED INSTITUTIONS

1. As decided by the Cabinet at its meeting held on 13 February 2008, medical graduates from unrecognized institutions are now given the privilege to pursue their studies by means of a credit transfer to recognized medical institutions.
2. The purpose of this privilege is to aid the 250 to 300 medical graduates from unrecognized institutions, especially those who have exhausted their chances of sitting for the Medical Qualifying Examination under the Medical Act 1971.
3. However, the Cabinet also agreed that this privilege should only be given subject to the following conditions:
 - 3.1. To be conducted in recognized medical teaching institutions both local and abroad as listed in the Second Schedule of the Medical Act 1971;
 - 3.2. Completed applications should be submitted to the Malaysian Medical Council (MMC) on or before 31 December 2008;
 - 3.3. Applications should include proof of acceptance from the intended recognized institutions;
 - 3.4. All applicants should obtain a written consent from the MMC before proceeding with the credit transfer;
 - 3.5. MMC reserves the right to reject applications received after 31 December 2008, which are incomplete, or which are deemed unsuitable;
 - 3.6. Applicants are to follow the medical programme of the recognized institution for a period of not less than one year in the pre-clinical phase and not less than two years in the clinical phase and passed the exams conducted thereof;
 - 3.7. This privilege is open to medical graduates from unrecognized institutions who obtained their degrees on or before 31 December 2007 regardless of the number of attempts made in the Medical Qualifying Examination;
 - 3.8. This privilege is open to Malaysians, holders of Malaysian permanent resident status or their immediate family members;
 - 3.9. The accepting medical institution must ensure that the intake of these applicants do not in any way compromise the quality of education such as violating the accepted teacher : student ratio or the approved student intake quota;
 - 3.10. This privilege is only offered as a one-off exercise;
 - 3.11. Applicants who do not fulfill any of the conditions stated above will not be accepted for registration and will have to sit for the Medical Qualifying Examination (if still eligible), before being accepted to register with the MMC.
4. However, with the interests of these graduates at heart, the Minister of Health has agreed that the required period of training (mentioned in para 3.6. above), be shortened to a period of eighteen (18) months.

5. **Nevertheless, all other conditions stated in para 3 above are still in effect.**
6. I would also like to clarify the following:
 - 6.1. It is the sole responsibility of the applicant to secure a seat in any recognized institution of their choice;
 - 6.2. As per the Medical Act 1971, graduates taking advantage of this privilege must provide the medical degrees from recognized institution when applying for registration with the MMC in future. This means that they will need to follow the programme and successfully awarded with the medical degree;
 - 6.3. The intended institution has the right to impose any conditions or rules regarding entrance criteria, dues, curriculum/programme, examinations and so forth. Interested applicants are advised to check with the institutions of their choice directly.
7. I encourage interested applicants to take full advantage of this privilege without delay.
8. Further information may be obtained from the following MMC officers:
 - 8.1. Dr. Wan Mazlan bin Mohamed Woojdy – 03 8883 1400;
 - 8.2. Dr. Muhammad Yazuran Sallij Muhd Yasin – 03 8883 1401;
 - 8.3. Dr. Karen Sharmini – 03 2694 7920; or
 - 8.4. Mr. Perumal a/l Chinaya – 03 2694 7920.

Thank you.

Sincerely,

TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHD ISMAIL MERICAN
President.

Date: 25 June 2008.